

## **HIKAYAT AMIR HAMZAH: SEBUAH EPIK ISLAM**

### **Pendahuluan**

Sebagai pendahuluan adalah lebih baik kita menyentuh serba sedikit berkenaan dengan istilah epik supaya penghayatan kita pada istilah tersebut akan lebih berkesan dan bermakna. Epik mengisahkan tentang keperwiraan dan kepahlawanan tokoh-tokohnya. Kegagahan dan keberanian tokoh itu telah menjadi kebanggaan kerana ia dapat mengangkat martabat dan identiti bangsa dan negaranya. Cerita digambarkan dengan penuh keistimewaan. Ciri utama kepahlawanan dicampuraduk dengan unsur mitos, lagenda, cerita rakyat dan sejarah.

Penghasilan kesusasteraan bercorak Islam di alam Melayu merupakan kesan langsung daripada perkembangan Islam di Nusantara. Perkembangan Islam turut membawa perubahan besar kepada amalan hidup masyarakat Melayu. Cerita-cerita tentang pahlawan sudah mula dikenali di alam Melayu sejak sebelum kedatangan Islam lagi. Cerita-cerita ini tumbuh dan mula dikenali apabila agama Hindu datang ke alam Melayu dengan epiknya Mahabhrata dan Ramayana. Begitu juga dalam kesusasteraan Jawa yang memperkenalkan tentang tokoh-tokoh yang anggun dan kuat menerusi cerita-cerita panji. Usaha penulisan hikayat-hikayat tentang epik Islam sebenarnya merupakan satu usaha untuk memperkenalkan konsep wira Melayu yang berlandaskan nilai-nilai Islam dengan berlatarkan negeri-negeri Islam di Asia Barat. Ternyata pengenalan cerita-cerita epik Islam ini mendapat sambutan daripada masyarakat Melayu. Pengenalan cerita-cerita epik Islam ini juga merupakan satu usaha untuk

menggantikan wira daripada peradaban Hindu seperti Seri Rama, Sang Bono, Pandawa Lima dengan wira-wira daripada peradaban Islam.

Karya-karya dalam kesusasteraan Melayu lama berunsur Islam, diperkenalkan oleh penulis-penulis Melayu yang berorientasikan tradisi Islam. Justeru itu dalam karya-karya sastera Melayu berunsur Islam, gambaran tentang perwatakan wira didasarkan kepada nilai-nilai Islam. Konsep epik daripada sastera Melayu berunsur Islam dapat didasarkan kepada perwatakan utama hikayat tersebut. Model kepahlawanan tokoh-tokoh utama telah menjadi ikutan dan pendorong kepada pahlawan-pahlawan Melayu untuk berjuang menentang musuh mereka. Misalnya *Sejarah Melayu* menyebut bagaimana *Hikayat Amir Hamzah* dibacakan di Melaka sewaktu negeri itu diserang oleh Portugis pada tahun 1511. Pembacaan hikayat tersebut bertujuan untuk membangkitkan semangat orang-orang Melayu bagi menentang serangan orang Portugis.

Menurut Ismail Hamid (1990:203), epik yang terdapat dalam sesebuah karya itu dapat dilihat melalui perwatakan kegagahan, menegakkan kebenaran, menegakkan keadilan, memenuhi janji, sifat tolong menolong, nilai pengampun, nilai pemurah dan menghormati orang lain, kepimpinan dan kebijaksanaan dan yang terakhir ialah pengembangan agama Islam. Unsur-unsur inilah yang telah membuatkan *Hikayat Amir Hamzah* diangkat sebagai sebuah karya kebanggaan Melayu.

## Unsur-unsur Epik di dalam karya *Hikayat Amir Hamzah*

Ismail Hamid (1990) mengemukakan bahawa epik itu dapat dilihat melalui beberapa unsur yang telah dinyatakan sebelum ini. Dalam *Hikayat Amir Hamzah* kita dapat menemui unsur-unsur berkenaan sehingga menjadikan karya tersebut digelar epik.

Unsur yang pertama iaitu bahawa konsep epik dapat diambil daripada sifat perwatakan utama yang terdapat dalam *Hikayat Amir Hamzah*. Sifat wira yang digambarkan ialah **sifat kepahlawanan yang gagah perkasa ketika berjuang dalam medan peperangan**. Kegagahan dan keberanian wira dalam medan peperangan diperlihatkan dalam hikayat-hikayat Islam bercorak kepahlawanan. Dalam *Hikayat Amir Hamzah* misalnya, watak protagonis iaitu Amir Hamzah digambarkan sebagai seorang wira yang mengikut nilai etika Islam. Dia menjadi pembela kepada bangsa Arab yang tertindas dan berjuang untuk mendaulatkan agama Islam. Amir Hamzah ialah seorang wira yang gagah perkasa dan selalu berjuang dalam medan peperangan. Kegagahan Amir Hamzah ini telah digambarkan sejak dia masih kecil lagi. Misalnya:

Pada suatu hari Amir Hamzah dan Umar keluar jauh ka-daratan padang pasir. Sa-konyong2 mereka berjumpa dengan sa-ekor singa. Singa itu mengangakan mulutnya hingga kelihatan taring-nya, menghempas2kan ekor-nya, mengaum saperti bunyi halilintar membelah bukit datang menuju mereka, menunjukkan gaya sa-olah2 ia hairan melihat kekuatan Hamzah dan berlemah lembut meskipun tujuan yang sa-benar-nya untuk menerkam mereka. Ketajaman fikiran Amir Hamzah mengetahui tujuan singa itu yang sa-benar-nya, oleh kerana itu beliau turun dari atas kuda-nya menuju singa tadi, memperlihatkan sa-olah2 ia sa-orang manusia yang hendak berjabat tangan dengan saudara-nya yang manusia. Demi berdekatan sahaja, Amir Hamzah mengachukan pedang-nya dan dengan sa-kali panchong mencheraikan badan dengan kepala singa itu dan mati tergolek di-padang pasir.....

(Hikayat Amir Hamzah: 7-8)

Dengan demikian, definisi seorang pahlawan itu ialah mempunyai sifat yang utama iaitu kegagahan dan keberanian.

Unsur kedua, ciri-ciri kepahlawanan seperti yang digambarkan dalam *Hikayat Amir Hamzah* ialah **berjuang untuk menegakkan kebenaran dan kebaikan**. Misalnya perwatakan Amir Hamzah sebagai wira dan pahlawan Islam yang ingin menegakkan kebenaran dan kebaikan. Segala peperangan dihadapi oleh Amir Hamzah sebagai seorang pahlawan, berjuang mengembalikan sesuatu pemerintahan yang hak seperti mengembalikan kerajaan Raja Kisra ketika dirampas oleh Khartin dan menghapuskan segala sesuatu yang tidak diinginkan seperti penyelewengan dan lain-lain. Misalnya:

“Gembirakan-lah hati Tuanku dengan berita kebinasaan musuh Tuanku Khartin. Ini-lah kepala-nya berada di-hadapan Tuanku. Sukakan-lah hati Tuanku dengan kembali-nya Tuanku kepada Kerajaan Tuanku! Tuan patek mempersilakan Tuanku bersemayam sa-mula di-atas takhta kerajaan Tuanku yang berada di-pusat pemerintahan Tuanku itu....”

(Hikayat Amir Hamzah: 30)

Pada suatu hari, Amir Hamzah keluar berhadapan satu kaum yang telah menindas kaum-nya. Sa-telah sampai ka-tempat mereka, beliau menyerang mereka hingga kalah dan mendapat rampasan yang banyak daripada mereka.

(Hikayat Amir Hamzah: 10)

Sebagai seorang pahlawan Islam, Amir Hamzah digambarkan sebagai penegak agama Islam, iaitu agama yang benar. Untuk menggambarkan matlamat perjuangan Amir Hamzah, Nabi Khidir pernah berkata kepadanya:

“Kamu-lah yang akan membatalkan semua ugama yang salah, akan mengembangkan keperchayaan kepada Allah dan akan memancharkan chahaya-nya d-angkasa seluruh negeri dan kerajaan dalam dunia ini.”

(Hikayat Amir Hamzah: 9)

Seterusnya unsur ketiga, perwatakan wira dalam *Hikayat Amir Hamzah* juga menunjukkan dia sentiasa berjuang untuk **menegakkan keadilan di kalangan manusia**. Sifat Amir Hamzah yang mahu membela suku Ajam yang teraniaya adalah satu sikap terpuji sebagai wira dalam sastera Islam. Misalnya Amir Hamzah bertindak menghapuskan penganiayaan yang dilakukan oleh Asfiran yang merampas harta benda suku Ajam. Tegasnya, Amir Hamzah memerintah Asfiran supaya menyerahkan semula segala harta benda yang diambilnya daripada bangsa Ajam. Misalnya dalam petikan-petikan seperti berikut:

Sa-telah mendengar perkataan mereka, Amir Hamzah berkata kepada mereka, “Berjalan-lah kamu di-hadapan, dan tunjokkan kepada-ku orang yang telah menganiaya kamu itu, supaya aku kembalikan harta benda-mu dan harta mereka yang ada bersama2 dengan harta benda-mu itu.”

(Hikayat Amir Hamzah: 17)

Sa-bentar itu Asfiran berkata kepada Amir Hamzah, “Tidak-kah tuan-hamba ketahui, harta yang hamba rampas daripada orang2 Ajam itu ialah hasil bumi dan harta orang2 Arab yang mereka ambil sa-bagai ufti dalam keadaan kezaliman dan permusohan? Menurut fikiran hamba, harta itu ia-lah harta kita yang telah dikembalikan kepada kita.”

“Aku mengetahui keadaan itu,” jawab Amir Hamzah, “tetapi merampas harta orang dengan jalan itu tidak di-redhai Allah.”

(Hikayat Amir Hamzah: 20)

Selain itu, **sifat cintakan keadilan** juga ditunjukkan oleh Amir Hamzah apabila beliau memimpin tentera untuk menentang kezaliman yang dilakukan oleh Raja Nu'man dan Raja Parsi terhadap bangsa Arab di Mekah. Tentera Raja Nu'man dan Parsi datang ke Mekah untuk mengutip upah daripada penduduk Mekah. Amir Hamzah memerangi mereka dan berjaya mengalahkan Raja Nu'man dan menakluki negerinya, tetapi apabila Raja Nu'man dan rakyatnya memeluk agama Islam, mereka dilayan dengan baik seperti saudara seagama:

Sa-telah Amir Hamzah mendengar perkataan itu, beliau pun bangun berdiri atas singgahsana seraya berkata, “Beta telah mema’afkan kamu hai Raja Nu’man! Sekarang bersemayam-lah sa-mula di-atas takhta kerajaan-mu! Jangan-lah kamu beritahu perkara ini kepada Raja Ajam (Kisra Farsi) atau pun kamu ta’at kapadanya.”

“Terima-kaseh kapada tuan-hamba”, Raja Nu’man berkata. “Tiada-lah hamba, tentera dan negeri hamba melainkan milek tuan-hamba dan penebus kehidupan tuan-hamba.”

(Hikayat Amir Hamzah: 25-26)

Di samping itu, setelah Amir Hamzah memerangi dan mengalahkan Khartin al-Khairabi yang merampas takhta kerajaan Parsi daripada Raja Kisra dan takhta tersebut dipulangkan kepada Raja Parsi, justeru itu Kisra amat sayang dan menghormati Amir Hamzah.

Dalam pada itu Khartin dan tentera-nya merasa saperti menchampakkan diri mereka ka-dalam gunung berapi yang memusnahkan.

Mereka merasa takut, terutama sa-kali ketika melihat raja mereka, Khartin telah dipanchong oleh Amir Hamzah dengan pedang-nya, sa-kali panchong sahaja menjadikan badan-nya terpenggal dua.

(Hikayat Amir Hamzah: 29)

Menteri Buzurjumbuh menyampaikan tawaran Amir Hamzah kepada Kisra lalu baginda bertitah, “Kedua2 pahlawan ini kesayangan beta, tetapi Amir Hamzah lebeh lagi beta sayang. Beta berhajat kapada kedua2 mereka.”

(Hikayat Amir Hamzah: 40)

Unsur keempat pula, perwatakan kepahlawanan dalam *Hikayat Amir Hamzah* juga menekankan sifat **berpegang pada janji** seperti yang dianjurkan oleh agama Islam. Justeru itu, sifat mulia ini digambarkan sebagai satu etika yang mesti dimiliki oleh seorang wira Islam. Dalam *Hikayat Amir Hamzah*, digambarkan bagaimana Amir Hamzah sebagai seorang wira sentiasa mematuhi segala janji yang telah dilafazkan, biarpun dia terpaksa mengorbankan kepentingannya. Janjinya yang telah dibuat kepada Kisra sentiasa dipatuhi. Misalnya pelbagai syarat telah dibuat oleh menteri Bakhtik yang jahat terhadap Amir

Hamzah untuk membolehkannya mengahwini Puteri Muhurkadar tetapi kerana syarat itu, walaupun terlalu berat, malah boleh mengancam keselamatan dirinya seperti memungut ufti dari negeri Mesir dan menentang Ma'qil dan Andahuq. Kita lihat petikan-petikan dibawah ini:

Sa-telah Amir Hamzah mendengar segala yang telah di-katakan Bakhtik tadi, beliau pun bangun dalam Majlis itu seraya berkata, “Aku bersumpah dengan nama Allah yang Maha Besar Tuhan Musa dan Ibrahim, Tuhan yang mempunyai Ka’bah yang maha mulia, bahawa aku tidak akan beristeri dengan Muhurkadar hingga aku bawa Ma’qil pahlawan ka-dalam majlis ini.....

(Hikayat Amir Hamzah: 46)

Mendengar perkataan Andahuq yang bersemangat itu, Amir Hamzah berkata, “Itu semua beta ketahui, tetapi beta telah berjanji dengan Kisra unok memenohkan permintaan-nya. Pantang orang2 Arab menarek balek perkataan-nya, sa-kali pun pada menepati-nya mengakibatkan hilang nyawa-nya.

(Hikayat Amir Hamzah: 60)

Melihat keadaan yang demikian, Amir Hamzah berkata, “Beta telah berjanji dengan mereka dan beta mesti menepati-nya, sa-kali pun dengan sebab itu beta menegok minuman maut.”

(Hikayat Amir Hamzah: 67)

Nilai keperwiraan Islam lain yang ditekankan dalam *Hikayat Amir Hamzah* ialah **nilai tolong menolong dan bersatu padu** yang merupakan unsur yang kelima. Nilai tersebut ditonjolkan apabila tentera Amir Hamzah menghadapi suasana yang genting kerana ancaman musuh sehingga beliau ditawan tentera Kisra, tetapi dengan bantuan yang segera tiba daripada putera-putera dan cucunda Amir Hamzah, dengan mudah tentera Amir Hamzah dapat mengalahkan tentera Kisra. Misalnya:

Tidak sanggup Rastam bersabar bila mendengar malapetaka yang telah menimpa orang tua-nya itu, lalu ia masok mengadap bonda-nya.....  
Pada waktu itu juga Rastam memerentahkan panglima-nya supaya menyiapkan balatentera unok berangkat ka-Lembah Khurasan.

(Hikayat Amir Hamzah: 232)

“Sa-sungguh-nya anak Rastam Fartam tidak-lah takut mati, tidak menghairankan sama ada banyak bilangan atau pun sedikit. Saya ialah Kasim putera Rastam Fartam putera Amir Hamzah. Telah sampai berita kepada saya bertapa Kisra telah menipu datok saya dan di-ikatnya di-Lembah Khurasan. Sebab itu-lah saya datang kerana hendak menyelamatkan datok saya, atau pun saya gugor di-hadapan-nya.”

(Hikayat Amir Hamzah: 233-234)

Nilai yang mulia ini diperlihatkan pada perwatakan Amir Hamzah sebagai seorang pahlawan yang suka menolong orang lain seperti pertolongan yang diberikan kepada Makhluf dan bangsa Ajam.

“Mari-lah bersama2 aku, masok dalam pasokan-ku, dan engkau menjadi salah sa-orang daripada pahlawan2-ku. Sunggoh-nya aku berjanji, aku akan kahwinkan engkau dengan Qanasah puteri Raja Nu'man itu.”

(Hikayat Amir Hamzah: 16)

Walaupun Kisra seorang raja yang besar tetapi apabila takhta kerajaannya dalam keadaan bahaya akibat tindakan Khatin al-Khaibary, maka Amir Hamzah tampil untuk membantunya. Demikian juga Amir Hamzah telah memberi pertolongan kepada Raid Afrit:

Sa-telah selesai Afrit menghuraikan pengaduan-nya, Amir Hamzah pun berkata, “Aku akan menunaikan janji-ku dan tidak sa-kali2 aku mengengkari-nya.....”

(Hikayat Amir Hamzah: 82)

Unsur keenam ialah nilai **suka mengampun** yang merupakan satu sifat yang terpuji, yang memang dianjurkan oleh agama Islam. Sifat ini dipraktikkan oleh Nabi Muhammad s.a.w sendiri yang sedia mengampunkan musuh-musuh ketatnya yang pernah menentanginya. Sifat ini menjadi ikutan kepada watak-watak wira dalam hikayat pahlawan Islam. *Hikayat Amir Hamzah* menggambarkan wiranya mengamalkan sifat tersebut. Amir Hamzah

digambarkan sebagai seorang yang bersedia memberi keampunan di atas kesalahan orang yang ingin bernaung di bawah pemerintahannya. Misalnya Amir Hamzah mengampunkan Raja Nu'man yang pernah murtad dengan agama Islam, kerana mengikut agama yang menyembah matahari, misalnya:

Sa-telah Amir Hamzah mendengar perkataan itu, beliau pun bangun berdiri atas singgahsana seraya berkata, "Beta telah mema'afkan kamu hai Raja Nu'man! Sekarang bersemayam-lah sa-mula di-atas takhta kerajaan-mu! Jangan-lah kamu beritahu perkara ini kepada Raja Ajam (Kisra Farsi) atau pun kamu ta'at kapada-nya."

(Hikayat Amir Hamzah: 25)

Sifat yang mulia ini juga diperlihatkan apabila dia bersedia mengampunkan musuhnya, iaitu Raja Kisra setelah Amir Hamzah berjaya mengalahkan tentera Kisra dan menawan Bandar Kurasan:

Ketika Amir Hamzah melihat Kisra terbelenggu dengan rantai, sangat-lah sedih perasaan beliau, lalu memerintahkan supaya di-buka belanggu-nya. Kemudian beliau bangun memberi salam kepada-nya dan menjemput-nya ka-sisi-nya seraya berkata, "Tidak ada kesusahan yang akan menimpa Tuanku. Tuanku tetap menjadi raja yang memerintah bangsa dan ra'ayat Tuanku. Kami tidak mahu apa2 sa-lain daripada kebaikan dan kesejahteraan. Andaikata Tuanku tidak mengikut pikiran menteri Tuanku, Bakhtik, neschaya Tuanku akan melihat seluroh bangsa Arab menumpahkan ta'at setia-nya ka-bawah Duli Tuanku."

(Hikayat Amir Hamzah: 255)

Seorang pahlawan Islam bukan sahaja bersedia untuk memberi ampun kepada musuh-musuh mereka yang tewas, mereka juga suka melakukan kebajikan kepada rakyat dengan bersifat pemurah dan selalu menghulurkan segala bantuan kepada mereka yang memerlukannya.

Walaupun mempunyai kedudukan dan kuasa yang tertinggi, tetapi mereka digambarkan sebagai watak yang tidak memiliki sifat yang angkuh. Mereka sangat menghormati orang lain termasuk orang-orang yang pernah menjadi musuhnya, dan tewas dalam medan peperangan.

Watak Amir Hamzah dalam *Hikayat Amir Hamzah* digambarkan sebagai memiliki etika yang sama. Misalnya Amir Hamzah menghormati Kisra, walaupun Kisra pernah menjadi musuhnya:

Mendengar perkataan yang penuh dengan peri kemanusiaan yang luar biasa itu, Kisra menguchup Amir Hamzah di-atas dahi-nya dan melahirkan perasaan kesesalan yang ta' habis<sup>2</sup> atas segala yang telah baginda kerjakan sambil berdaleh mengatakan, menteri baginda itu-lah yang telah mendorong baginda kepada mengerjakan segala pekerjaan yang salah, serta menguchapkan ribuan terima kaseh terhadap perandai dan budi pekerti serta peribadi yang mulia lagi tinggi itu.

(Hikayat Amir Hamzah: 255)

Demikian juga Amir Hamzah menghormati Buzurjumhur, seorang menteri Kisra yang bijaksana dan banyak menolong bangsa Arab. Malahan ketika Buzurjumhur mengarahkan agar berbuat seperti yang diarahkannya supaya berpura-pura menghumbannya di depan Kisra, Amir Hamzah menolak dari berbuat demikian kerana tidak sampai hati berbuat begitu, misalnya dalam petikan:

Mendengar itu, Amir Hamzah berkata, “Kami berlindung dengan Allah daripada berbuat demikian.”  
“Itu satu perkara yang mesti di-buat,” kata Menteri Buzurjumhur. “Kalau tuan tidak mahu berbuat demikian, sungguh-nya tuan<sup>2</sup> telah menjatuhkan saya ka-dalam kesusahan yang besar.”

(Hikayat Amir Hamzah: 202)

Dalam kehidupan sehari-hari, watak Amir Hamzah dikatakan mengamalkan **sikap suka menghormati** ahli keluarga seperti isteri dan anak-anaknya. Meskipun kepada menteri Bakhtik yang jahat kerana sikap menteri itu yang terus menerus mengatur pelbagai tipu muslihat untuk membunuhnya. Akhirnya menteri yang jahat itu dibunuh oleh Umar Aiyar, seperti dalam petikan:

Jawab Amir Hamzah, “Engkau bukan sahaja musuh bangsa Arab, bahkan juga musuh peri kemanusiaan, musuh kebajikan dan musuh kemuliaan. Dari itu wajiblah membasmikan engkau dari perhimpunan manusia ini. Menurut fikiran yang sehat, mengampun dan mema’afkan engkau ada-lah dosa yang ta’ada ampunannya. Oleh kerana itu, ambil-lah ia hai Umar! dan bunoh-lah ia dengan sa-kejam2 pembunohan.”

(Hikayat Amir Hamzah: 255)

Seterusnya unsur ke lapan ialah **kepimpinan dan kebijaksanaan**. Perwatakan wira yang digambarkan, mereka merupakan orang yang bijaksana dalam memimpin tentera dan rakyatnya. Sifat ini digambarkan pada watak Amir Hamzah.

Unsur yang terakhir, sebagai sastera bercorak Islam, watak-watak pahlawannya berperanan sebagai **pengembang agama Islam**. Dalam *Hikayat Amir Hamzah*, digambarkan watak wiranya sebagai pengembang agama Nabi Allah Ibrahim. Kemudian setelah Nabi Muhammad s.a.w dilahirkan, Amir Hamzah tampil menjadi pengikut Nabi Muhammad s.a.w dan memainkan peranan untuk menyebarkan agama Islam:

Dengan perasaan yang pelek Amir Hamzah berkata, “Kita berlindung dengan Allah daripada keengkar dan kekufuran manusia. Dari itu kita mesti menghanchorkan shorga dan neraka-nya, membunuh dan mengeluarkan kaum-nya yang bodoh2 itu daripada kegelapan kekufuran kepada cahaya keimanan.”

(Hikayat Amir Hamzah: 279)

“Sungguh-nya wajib-lah bagi kami memberi belas kasehan kepada kamu dan menunjokkan jalan beribadat kepada Allah yang telah menjadikan kamu dan telah memberi rezki kepada kamu. Dia-lah Tuhan yang menghidupkan dan yang mematikan kamu. Dia-lah Tuhan yang menjadikan siang hari sa-bagai tempat dan waktu menchari penghidupan bagi kamu dan malam tempat dan waktu bermu'min, kerana Dia-lah Yang Maha Kuasa yang tiada sanggup sa-suatu pun yang ada di-langit dan di-bumi melemahkan-nya.”

(Hikayat Amir Hamzah: 281)

## **Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan, gambaran perwatakan wira-wira dalam hikayat-hikayat bercorak Islam cuba memperlihatkan sifat manusia sempurna. Sebagai sebuah karya epik dan didaktif, gambaran perwatakan wira-wira itu diharap dapat menjadi ikutan kepada masyarakat Melayu seluruhnya. Sifat-sifat wira yang ideal digambarkan dalam *Hikayat Amir Hamzah* sebagai seorang yang gagah, berani, bijaksana, suka kepada keadilan dan kebenaran, menepati janji, suka memberi pertolongan, pemurah, pemaaf dan sangat menghormati orang lain telah menjadikan hikayat tersebut epik yang menjadi kebanggaan masyarakat Melayu umumnya.

## RUJUKAN

- Ab. Rahman Ab. Rashid, *et.al.*, 2000, **Kamus Sastera Melayu Terkini**, Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd., Selangor Darul Ehsan.
- Ali Ahmad, 1996, **Bunga Rampai Sastera Melayu Warisan Islam**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Haron Daud, 1994, **Kesusasteraan Klasik: Manusia dan Kepercayaan**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Hashim Awang, *et.al.*, 1985, **Mendekati Kesusasteraan Melayu**, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor
- Hjh Zainon Bt. Sheikh Ahmad, 1998, **Belajar Kesusasteraan dan Kritikan Sastera**, Penerbit Elman, Kuala Lumpur
- Ismail Hamid, 1990, **Asas Kesusasteraan Islam**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- S.A. Dahlan (ed.), 1969, **Hikayat Amir Hamzah**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Siti Aisah Murad, 1993, **Konsep Wira dalam Sastera Melayu**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Syed Hussein Alatas, *et.al.*, 1980, **Kesusasteraan Melayu dan Islam**, Sarjana Enterprise, Kuala Lumpur
- Wan Yusoff Hassan, 1992, **Amir Hamzah**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Zalila Sharif, 1993, **Kesusasteraan Melayu Tradisional**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur